

# Singkir kakitangan yang tak setia, dedikasi — Ghazali

**KUALA LUMPUR, Sabtu.**— UMNO Bahagian Sabak Bernam hari ini menggesa kerajaan **m e n y i n g k i r** kakitangan yang tidak setia dan dedikasi.

Wakilnya, Encik Mohd. Ghazali bin Kantan berkata, kakitangan yang tidak setia dan dedikasi akan menggagalkan pelaksanaan projek-projek Kerajaan.

Encik Ghazali membuat gesaan itu ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden, Datuk Hussein Onn, di perhimpunan Agung UMNO ke 32 semalam.

Belliau juga menyeru kerajaan mengawasi jabatan dan agensi kerajaan bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan.

Wakil dari Sabak Bernam itu juga menyeru ahli-ahli UMNO mengikis sifat-sifat kenegerian atau berpuak-puak seperti 'tokoh lama' dan 'tokoh baru,' 'golongan intelek' dan 'bukan intelek.' "Ini arus yang merbahaya dan akibatnya sangat buruk dalam jangka masa panjang," ujarnya.

Dalam UMNO, katanya, tidak perlu diasingkan tokoh-tokoh lama atau tokoh-tokoh baru. "Keduanya boleh memimpin dan membawa kejayaan." Katanya.

Di samping itu, katanya, jika golongan intelek sahaja ditonjolkan **U M N O** akan kehilangan pengaruh di peringkat bawahan yang kebanyakannya golongan bukan intelek.

Encik Mohd. Ghazali menegaskan, UMNO ditubuhkan untuk semua golongan dari segenap lapisan rakyat.

"Hakikat inilah yang menjadikan UMNO kuat," katanya.

Belliau seterusnya menyeru kerajaan memberi perhatian lebih kepada sektor pertanian memandangkan pembelaan terhadap kaum tani masih belum mencukupi.

Mengenai agama, UMNO Bahagian Sabak Bernam juga menarik perhatian bahawa masih banyak lagi perlu dibuat, khususnya bagi menyelaraskan peraturan Agama Islam di setiap negeri.

Bahagian itu juga mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir yang dilantik sebagai Presiden UMNO yang baru.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

No

No

158